

**EDITOR, MEJA BERITA**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**SUHAKAM GESA HENTIKAN PENGUSIRAN DAN SEGERAKAN  
PENYELESAIAN YANG LEBIH BERPERIKEMANUSIAAN DI SEMPORNA**

**KUALA LUMPUR (14 OGOS 2024)** - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) telah menjalankan misi ke Semporna pada 17 dan 18 Julai 2024 yang lalu berikutan aktiviti pengusiran dan perobohan yang telah dijalankan oleh pihak berkuasa pada Jun 2024. Hasil dapatan SUHAKAM mendapati bahawa proses pengusiran dan penempatan semula telah dijalankan dengan cara yang tidak berperikemanusiaan dan tanpa proses rundingan yang mencukupi dengan masyarakat yang terjejas, khususnya kumpulan orang asal yang dikenali sebagai Bajau Laut.

Orang Bajau Laut kebanyakannya tinggal di laut dan secara tradisinya mereka membina rumah di atas air. Budaya dan mata pencarian mereka sememangnya terikat dengan laut. Sebilangan besar orang Bajau Laut adalah buta huruf, tidak berpendidikan dan miskin, kerana gaya hidup pelaut mereka yang berpindah-randah. Mereka adalah masyarakat yang terpinggir dan tidak seharusnya dilayan sedemikian, sepertimana yang berlaku baru-baru ini.

Pengusiran yang berterusan ini telah mendatangkan kesan yang teruk kepada masyarakat Bajau Laut seperti perpindahan keluar dari rumah mereka sendiri yang menjejaskan mata pencarian mereka. Tindakan tersebut bukan sahaja mengabaikan suara mereka tetapi juga melanggar prinsip asas ketelusan dan penghormatan terhadap hak asasi manusia dan hak orang asal.

SUHAKAM mengingatkan pihak berkuasa yang bertanggungjawab bahawa Malaysia telah mengundi untuk menyokong Deklarasi Hak Orang Asli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDRIP) semasa Majlis Hak Asasi Manusia dan juga Perhimpunan Agung PBB tanpa reservasi. UNDRIP mengandungi peruntukan yang luas untuk pengiktirafan dan perlindungan wilayah dan sumber orang asli/asal. Walaupun UNDRIP merupakan dokumen yang tidak terikat, namun Kerajaan Malaysia wajib untuk patuh kepada piawaian sepertimana yang ditetapkan dalam UNDRIP.

SUHAKAM menggesa penggantungan segera semua operasi dan aktiviti pengusiran yang sedang berlaku di Semporna. Pengusiran yang telah dilakukan tanpa sesi dialog atau penglibatan yang sewajarnya dengan komuniti yang terlibat telah menjejaskan hak asasi manusia kepada hak perumahan yang mencukupi, mengganggu sumber mata pencarian dan menafikan hak untuk membuat keputusan dalam kehidupan mereka.

Oleh yang demikian, SUHAKAM menyokong penubuhan jawatankuasa khas yang terdiri daripada wakil masyarakat, pegawai kerajaan dan pihak berkepentingan. Jawatankuasa ini harus dipertanggungjawabkan untuk merangka penyelesaian jangka panjang yang adil dan mampan serta menghormati hak dan mata pencarian masyarakat yang terjejas di samping memperkasa keperluan lain dengan lebih meluas. Jawatankuasa ini perlu ditubuhkan dengan segera dan SUHAKAM sentiasa bersedia untuk terlibat secara aktif dalam usaha ini.



**KENYATAAN MEDIA  
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)**

---

SUHAKAM kekal komited untuk menyokong resolusi yang bukan sahaja menegakkan hak asasi manusia Bajau Laut dan komuniti lain yang terjejas di Malaysia, tetapi juga memastikan bahawa tindakan masa hadapan di rantau ini harus berpandukan prinsip keadilan, penghormatan dan keterangkuman.

**-TAMAT-**

**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)  
14 Ogos 2024**